

Kilang Sawit Kinabalu sedia menggunakan Teknologi baru

UB 25/08/2011 B6

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

KOTAKINABALU: Kilang Sawit Kinabalu di Lumadan bersedia menjadi kilang minyaksawit pertama di dunia yang akan dipasang dengan 'sistem pemulihan sisa haba' selepas menyempurnakan pemasangan Inorganic Aqueous Solution Heat Pipe Technology.

Pengerusi Tumau Gayo Energy Sdn Bhd, Datuk Henrynus Amin berkata aplikasi teknologi dalam kilang kelapa sawit akan menjana kuasa tambahan yang boleh digunakan untuk kegunaan lain yang produktif.

Katanya, Sawit Kinabalu Berhad telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Tumau Gayo Tenaga untuk meningkatkan keupayaan, kepakaran dan sumber mereka untuk membawa serta menggunakan teknologi ini di Sabah.

"Ini adalah kali pertama teknologi ini digunakan di kilang kelapa sawit," katanya ketika pada



TERIMA KASIH...Kamaruzaman (dua kiri) berjabat tangan dengan Henrynus ketika di majlis berkenaan sambil disaksikan oleh Johnny (tengah).

maljjs menandatangani memorandum berkenaan di Unversiti Malaysia Sabah (UMS).

Beliau berharap kerjasama ini bukan sahaja akan membolehkan pemindahan teknologi, tetapi juga membolehkan ahli-ahli

sains muda di Sabah untuk terus meneroka potensi yang besar bagi teknologi biojisim kelapa sawit dan industri ladang yang lain.

Henrynus berkata, Sabah mempunyai banyak kilang kelapa sawit yang boleh menyertai dan menggunakan

teknologi untuk menjana tenaga hijau.

Tambahnya, tenaga biomass memang banyak di kawasan luar bandar, Sabah akan menerajui pembangunan tenaga biojisim ini untuk membantu keperluan industri tempatan

bagi bekalan elektrik di kawasan luar bandar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Pengerusi Sawit Kinabalu Sdn Bhd, Datuk Johnny Goh, dan Naib Canselor UMS, Brig Gen Professor Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampon.